

KEJATUHAN PATTANI TERHADAP KESEDARAN ISLAM DI BANGKOK

(The fall of Pattani on Islamic Consciousness in Bangkok)

¹ KU AZMI KU MAT*

^{1,2} MOHAMAD SABRI HARON

^{1,3} SALMY EDAWATI YAACOB

^{1,2} WAN ZULKIFLI WAN HASSAN

¹ Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor, Malaysia

² Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor, Malaysia

³ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Pattani adalah salah sebuah negeri yang majoriti penduduknya adalah beragama Islam. Namun, kajian ini membincangkan sejarah pertapakan Islam di Bangkok Thailand. Bahan rujukan mengenai perkembangan Islam di Bangkok amat berkurangan. Objektif kajian ini memfokuskan kepada peristiwa kejatuhan Pattani oleh kerajaan Thailand pada tahun 1603M-1838M dan kajian ini juga memfokuskan kepada kebebasan beragama Islam di Bangkok. Metodologi kajian adalah berdasarkan kepada kajian kepustakaan dengan menyaring maklumat-maklumat daripada sumber sekunder seperti buku, majalah, tesis, laman sesawang dan lain-lain lagi. Hasil kajian mendapati perkembangan Islam di Wilayah Bangkok berlaku dengan pesat di mana ia berkait rapat dengan kesedaran kejatuhan Pattani melalui peperangan dan jumlah penduduk Islam di wilayah itu sendiri. Di samping itu, polisi kerajaan Thailand yang agak berbeza berbanding dengan penduduk Islam di Selatan juga menyebabkan penduduk Islam Bangkok mampu mengekalkan identiti mereka sebagai masyarakat Islam dan

*Corresponding author: Ku Azmi Ku Mat, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia, mel-e: azmikurahmat@gmail.com

Diterahkan: 8 Februari 2020

Diterima: 7 September 2020

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2021-1302-04>

bergiat cergas dalam mengembangkan ajaran Islam dalam kalangan generasi muda dari masa ke semasa. Namun begitu, penduduk Islam Bangkok telah mengorbankan salah satu identiti bangsa mereka iaitu Bahasa Melayu di mana ia semakin pupus dalam kalangan masyarakat Islam Bangkok ketika mereka berusaha berjuang untuk terus hidup di kalangan majoriti masyarakat Buddha dan juga memenuhi tuntutan kerajaan.

Kata kunci: Kejatuhan Pattani; Islam bertapak di Bangkok; rakyat diberi kebebasan beragama.

ABSTRACT

Pattani is one of the states where the majority of the population is Muslim. However, this study discusses the history of Islamic traces in Bangkok Thailand. Reference material on the development of Islam in Bangkok is greatly scarce. The objective of this study relates to the events of the fall of Pattani by the Thai government in 1603-1838, and it focuses on the freedom to be Muslim in Bangkok as well. The research methodology is based on a literature review based on information processed from secondary sources, such as books, magazines, theses, websites, etc. This study found that the development of Islam in Bangkok Province took place rapidly, closely linked to the awareness of the fall of Pattani through war and the number of Muslims in the province. Additionally, the Thai government's policy that is quite different from its policy towards the Muslim population in the south also allows the Muslim population in Bangkok to maintain its identity as a Muslim community and to actively participate in developing Islamic teaching among the younger generation. Although Bangkok's Muslims have sacrificed one of their racial identities, the Malay language, which is becoming extinct among Bangkok's Muslims, as they struggle to survive among the majority Buddhist community and also meet the demands of the government.

Keywords: Fall of Pattani; Bangkok; Islam converts in Thailand through trade.

PENGENALAN

Kerajaan Pattani merupakan sebuah kerajaan di Tanah Melayu yang merangkumi wilayahnya Yala, Narathiwat dan sebahagian Songkhla kini. Walau bagaimanapun, pada pertengahan abad ke-19, Pattani telah menjadi mangsa dasar imperialistik

kerajaan Siam (Thailand). Oleh itu, sistem pemerintahan kesultanan Melayu telah dihapuskan dengan termeterainya perjanjian Bangkok pada tahun 1909, telah diakui oleh British sebagai sebahagian daripada jajahan Siam walaupun tanpa kerelaan orang-orang Melayu Pattani.

Kerajaan British memerlukan kerjasama Siam bagi mendapatkan beras bagi keperluan tanah jajahannya. Kerajaan British terpaksa menyesuaikan dasarnya terhadap Siam dengan tuntutan Amerika Syarikat yang mahu mengekalkan wilayah Siam seperti dalam tahun 1941. Kajian ini perlu dilakukan untuk melengkap dan memantapkan lagi kajian-kajian yang sedia ada serta menghasilkan sebuah penulisan ilmiah khususnya dalam bidang sejarah di samping mencungkil penemuan baru di dalam kajian ini. Lebih-lebih lagi, bahan rujukan mengenai perkembangan Islam di Bangkok amat berkurangan, kajian ini diharapkan akan dapat memenuhi keperluan semasa mengenai perkembangan agama Islam dan masyarakat Islam secara mendalam di wilayah Bangkok pada abad ke-20M.

KAJIAN LITERATUR

Pendekatan kajian kualitatif adalah antara metode yang digunakan dalam kajian ini dengan melihat proses pengumpulan dan penganalisisan dokumen. Oleh itu, ia akan melibatkan kemahiran untuk mentafsir data yang menjurus kepada kajian teoritikal yang cuba untuk memberi garis panduan yang jelas tentang topik perbahasan.

Metode Sejarah

Metode Sejarah adalah suatu proses bagi menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian atau peristiwa. Objektif metode ini digunakan adalah untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai sejarah. Penulis menganalisis sejarah tersebut berasaskan bahan-bahan dan artikel-artikel berkaitan secara ilmiah. Walau bagaimanapun, dalam perkara ini tidak bermakna penulis dapat atau mampu mengumpulkan keseluruh fakta sejarah yang berkaitan secara terperinci, namun penulis telah berusaha sedaya upaya bagi memperolehnya sama ada dengan keupayaan diri sendiri atau bantuan daripada pakar serta ahli dalam bidang berkaitan.

Kejatuhan Pattani di Tangan Kerajaan Thailand

Kejatuhan Pattani adalah disebabkan berlakunya perperangan. Masyarakat Pattani adalah keturunan Islam Melayu yang berasal daripada kerajaan Melayu Pattani pada tahun 1785M. Ada juga yang mengatakan bahawa serangan Thailand ke atas kerajaan Melayu Pattani berlaku pada tahun 1876M (Kobkua Suwannathat-Ping 1991: 36-37). Kerajaan Thailand berjaya menakluki kerajaan Melayu Pattani setelah sekian lama berusaha untuk menakluki kerajaan tersebut. Kempen penaklukan Siam ke atas kerajaan Melayu Pattani merupakan suatu agenda politik dalam jangka masa panjang yang tetap dan berterusan. Kempen ini diteruskan daripada seorang raja kepada seorang raja yang lain. Serangan pertama telah dilancarkan oleh kerajaan Thailand ke atas Pattani bermula dari tahun 1603M, namun gagal menawannya. Selepas itu, kerajaan Thailand telah melakukan empat kali serangan ke atas Pattani pada tahun 1603, 1632, 1633 dan 1638M tetapi gagal (Institut pengajian kebudayaan Thailand selatan 1986). Namun menurut Mohd Zamberi A. Malek, siri perperangan Patani-Thailand berlaku pada tahun 1603, 1634, 1671, 1709, 1789, 1832 dan 1838M telah mengakibatkan rakyat Patani dizalimi dengan pelbagai kekejaman setelah tentera Thailand berjaya mengalahkan tentera Islam Pattani (Mohd Zamberi A Malek 1993) selama 182 tahun (Ahmad Fathy al-Fatani 1994).

Rakyat Pattani dipindah ke wilayah lain

Selepas kejatuhan Pattani ke tangan Thailand tawanan perang dibawa ke Bangkok melalui 2 cara, pertama diangkat menggunakan kapal, manakala sebahagian lagi berjalan kaki dari Patani hingga ke Bangkok (Phirayot Rahimula 1998). Mereka yang menaiki kapal dicucuk di bahagian telinga dan kaki dengan rotan seni, serta diikat beramai-ramai dengan seiring (Abdul halim Bashah 1994). Dalam pada itu, tawaran perang lelaki dicucuk di bahagian kaki, manakala tawaran perang perempuan dicucuk di bahagian telinga. Kerajaan Thailand mengambil tindakan demikian kerana terdapat sebahagian daripada tawanan perang telah mlarikan diri dengan cara terjun ke laut. Namun kebanyakan mereka mati lemas.

Walau bagaimanapun, dalam perjalanan ke Bangkok terdapat sebahagian daripada tawanan perang meninggal dunia akibat demam (Arifin et al. Patani Darussalam 2000). Mereka yang berjalan kaki diikat sesama sendiri serta diawasi oleh beberapa orang askar. Mereka dipukul sekiranya tidak meneruskan perjalanan, sementara mereka yang berada di dalam kesakitan dan tidak bermaya serta tidak mampu berjalan akan ditinggalkan begitu sahaja. Peristiwa inilah yang membawa kewujudan masyarakat Islam keturunan Melayu Patani di wilayah Ratburi, Phetburi dan lain-lain wilayah lagi (Phirayot Rahimula 1998). Pada tahun 1786M dan 1791M, peristiwa pemindahan

tawanan perang Patani ke ibu kota Bangkok berlaku beberapa kali dan jumlah sebenar mereka tidak dapat diketahui. Tindakan Rama I adalah bertujuan untuk mengurangkan bilangan penduduk Patani agar mereka tidak mampu bangun menentang kerajaan Thailand (Sawvanee Jitmoud 1998).

Pada zaman pemerintahan Rama III nama sebenar beliau ialah Chaithap atau lebih dikenali dengan nama Phra Nang Klaw Chao Yu Hua. Beliau dilahirkan pada 31 Mac 1787 dan memerintah pada 21 Julai 1824M hingga 2 April 1851M. Beliau mempunyai anak seramai 51 orang (Kanyabodi 2001; Kanyabodi 2002). Sekali lagi tawanan perang dari Pattani telah dibawa ke Bangkok. Hari ini, terdapat seramai 1 juta umat Islam di kota Bangkok yang tidak boleh lagi berbahasa Melayu dan mereka adalah tawanan perang kerajaan Melayu Patani (Mohd Zaberi A. Malek 1993) bersama harta benda mereka yang turut dirampas oleh kerajaan Thailand (Abdul Halim Bashah 1994).

Namun mengikut sumber lain, jumlah tawanan perang adalah sekitar 4,200-5,000 orang. Sebahagian besarnya adalah perempuan yang lanjut usia dan kanak-kanak. Peristiwa itu telah menyebabkan Pattani mengalami kehilangan penduduk dalam jumlah yang besar (Ahmad Omar Chapakia 2000). Polisi menempatkan tawanan perang Pattani oleh kerajaan Thai di merata-rata tempat adalah bertujuan supaya mereka tidak dapat berkumpul untuk menentang kerajaan. Di samping itu, mereka juga dikehendaki menjalankan aktiviti pertanian untuk meningkatkan hasil pengeluaran tanaman (Sawvanee Jitmoud 1998).

Rama III memerintahkan tawanan perang Patani menggali terusan yang dinamakan *Khlorng Saan Saap*. Selain daripada itu, mereka diperintahkan menggali terusan Rangsit yang terdiri daripada terusan Khlorng Neung atau terusan pertama, hingga terusan Khlorng Yi Sib Si atau terusan dua puluh empat. Kesan daripada itu menyebabkan sebahagian besar daripada mereka telah meninggal (Sawvenee Jitmoud 1998).

Rakyat diberi kebebasan

Kebebasan beragama diperuntukkan dalam Perlembagaan Negara Thailand pindaan 2007 pada seksyen 37, (Pengisytiharan kebebasan beragama dalam Perlembagaan Negara Thailand pindaan 2007 pada seksyen 37) “Tiap-tiap orang memiliki hak kebebasan yang sempurna dalam beragama, bermazhab dalam agama atau berpegang dengan mana-mana mazhab yang dominan dan bebas dalam mengamal mengikut agama, ajaran agama atau mengerjakan upacara mengikut kepercayaan selagi ia tidak bercanggah dengan tugas sebagai rakyat dan menjaskan kemaslahatan atau moral baik bagi rakyat”. Antara kebebasan yang diberi oleh kerajaan Thailand ialah:

1. Menubuhkan Majlis Agama Islam di Thailand

Setelah Kerajaan Thailand merasmikan Majlis Agama Islam sehingga menjadi sebuah institusi dan pejabat bagi *qadi al-shari’I al-daruri*, maka selain institusi tersebut bertugas untuk mendaftarkan masjid-masjid yang ada di wilayahnya juga, ia menjadi tempat pengaduan dan penasihat bagi menyelesaikan masalah-masalah hal ehwal yang timbul dalam masyarakat umat Islam di Thailand. Selain itu, Majlis Agama Islam juga bertugas sebagai pemberi nasihat kepada Gabenor di wilayahnya masing-masing. Jawatankuasa Islam bahagian wilayah adalah di bawah arahan atau pentadbiran jawatankuasa yang tertinggi bagi Negara Thailand iaitu *Chularadchamонteri* yang menjadi penasihat kepada pejabat Kementerian dalam Negeri dan pejabat Kementerian Pelajaran.

Peranan Majlis Agama Islam Wilayah telah disusun mengikut undang-undang yang diatur oleh kerajaan Thailand. Maka setiap Majlis Agama Islam menjalankan fungsi khasnya untuk mentadbir dan melaksanakan aturan tersebut supaya menjadi institusi yang terbaik. Di bawah ini dijelaskan fungsi dan tugas harian yang dilaksanakan bagi Majlis Agama Islam, antaranya:

- a. Lujnah Ulama: iaitu sebuah badan yang bebas, yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Agama Islam sebagai penasihat dan memberi fatwa tentang hukum-hukum agama Islam kepada masyarakat Islam.
- b. Badan Dakwah: iaitu sebuah badan yang bertugas untuk mentadbir hal-hal yang berkaitan dengan dakwah dalam wilayah tempatan, seperti mengaturkan khutbah-khutbah Jumaat dan menerbitkan majalah-majalah bulanan untuk dibagikan kepada masjid-masjid. Selain itu juga mengadakan siaran syarahan agama melalui radio tempatan dalam bulan Ramadhan dan menyebar luaskan keputusan fatwa yang telah dikeluarkan oleh para ulama kepada umat Islam.
- c. Badan Kewangan: berfungsi sebagai badan yang menguruskan kewangan Majlis Agama Islam dan bertanggungjawab terhadap harta benda Majlis Agama Islam dan baitulmal.
- d. Badan Zakat: iaitu tugasnya berkaitan dengan hal ehwal zakat, seperti memberi pengertian berkenaan zakat pertanian, perniagaan, fitrah serta mengutip dan mengumpulkan zakat-zakat tersebut dan diagih-agihkan kepada orang-orang yang berhak menerimanya.

2. Kerjasama dalam keagamaan dan kemasyarakatan

Masyarakat Islam keturunan Jawa telah bekerjasama dengan masyarakat Islam keturunan Melayu Pattani untuk menjaga dan menerap nilai-nilai Islam ke dalam masyarakat mereka dengan membina Masjid-masjid seperti Masjid Jawa. Masjid Jawa

diasaskan oleh masyarakat Islam keturunan Jawa dan masyarakat Islam keturunan Melayu Pattani. Masjid yang terletak di Trork Rong Nam Khang dibina pada tahun 1894M. Antara tahun 1894-1996M, Masjid tersebut dipimpin oleh 6 orang iman yang terdiri daripada tiga orang keturunan Jawa dan tiga orang keturunan Melayu Pattani.

Keadaan ini jelas kepada kita bahawa perhubungan antara masyarakat Islam yang berketurunan Melayu Pattani dan masyarakat Islam yang berketurunan Jawa adalah baik (Kannikar Chuthamas Sumali 1998). Masjid Bayan atau Boyan terletak di lorong Bayan, daerah Yannaw. Masjid tersebut dibina pada tahun 1911M dan dipimpin oleh 8 orang imam yang terdiri daripada lima orang keturunan Jawa, dua orang keturunan Melayu Pattani dan seorang keturunan Champa (Kannikar Chuthamas Sumali 1998). Masjid Darul Abidin, pula dipelopori oleh Haji Zainul Abidin. Pada suatu ketika dahulu ia dikenali sebagai Masjid Trork Chan atau Masjid Khlor Kruai. Masjid ini dibina sekitar tahun 1915 atau sebelumnya dengan menerima sumbangan daripada masyarakat Islam yang berketurunan Jawa dan masyarakat Islam yang berketurunan lain (Kannikar Chuthamas Sumali 1998). Masjid Ban Ou terletak di lorong Ban Ou, daerah Bang Rak. Masjid tersebut dibina oleh Haji Kadir tahun penubuhan Masjid tersebut tidak dapat diketahui.

Namun pada tahun 1919M, Haji Kadir mewakafkan Masjid tersebut. Sejak tahun 1919M, ketika masyarakat Islam Ban Ou mewujudkan ahli jawatankuasa Islam Masjid ini, tiada lagi masyarakat Islam yang berketurunan Jawa yang tinggal di kawasan tersebut kerana jumlahnya yang sedikit dan sebahagiaannya telah meninggal dunia, yang tinggal hanyalah masyarakat Islam yang berketurunan Melayu Patani (Kannikar Chuthamas Sumali 1998). Terdapat berapa buah Masjid Indonesia, antaranya Masjid yang terletak di lorong Sanam khli atau lebih dikenali dengan Soi Polo, Masjid tersebut berdaftar pada tahun 1949M (Kannikar Chuthamas Sumali 1998). Ada juga Masjid al-Atiq, di mana Masjid tersebut mempunyai kepentingan tersendiri iaitu ia dijadikan sebagai tempat perjumpaan dan perhimpunan bagi penduduk Islam di daerah Yannaw (Scupin Raymond 1987). Masjid tersebut merupakan hasil usaha masyarakat Islam Melayu Pattani dan masyarakat Islam keturunan Jawa. Masjid digunakan sebagai tempat mengembangkan ajaran Islam.

Pada mulanya, kanak-kanak Jawa diajar bahasa Arab dan rukun Islam oleh Tok Imam. Ada di antara masyarakat Islam keturunan Jawa yang mengupah guru untuk mengajar anak-anak mereka dan ada yang menghantar anak-anak mereka untuk berguru dengan guru-guru tertentu. Pada tahun 1924M, orang Jawa menubuahkan Sekolah Bamrung Seuksa. Di sekolah-sekolah rendah tersebut, pengajaran agama diadakan selepas waktu pejabat (Kannikar Chuthamas Sumali 1998). Pada tahun 1926M, seorang Islam Indonesia bernama Wahab telah menubuahkan sebuah sekolah di Thanon Tok iaitu sebuah kawasan yang terletak di Utara Bangkok. Beliau yang

berasal dari Minangkabau, Sumatera telah berhijrah ke negara Thailand selepas wujud perasaan menentang cukai pada tahun 1908M (Warner Kraus 1998). Di samping itu, dasar kebebasan beragama yang diamalkan oleh pemerintah-pemerintah Thailand (Thiphakorn Baramet 2001) kecuali pada era Thonburi menyebabkan pengikut Islam kian bertambah dari masa ke semasa. Mereka diberi peluang untuk menetap di negara Thailand dan bebas dalam menjalankan aktiviti keagamaan secara terbuka serta tidak ada sekatan mengenai penyebaran agama. Malah antara tahun 1928-1931M kerajaan Thailand telah membuka peluang kepada pendatang asing masuk ke negara berkenaan tanpa dokumen. Keadaan ini menyebabkan berlaku kebanjiran orang Islam keturunan Jawa ke negara tersebut (Sawvanee Jitmoud 1998).

3. Kerjasama dalam perdagangan

Melalui perdagangan masyarakat Islam keturunan India-Pakistan juga datang ke negara Thailand. Kedatangan mereka berlaku sejak era Sukhothai dan berterusan hingga ke era Ayutthaya dan Rattanakosin (Kannikar Chuthamas Sumali 1998). Pada penghujung abad ke17M, kebanyakannya peniaga yang berpengaruh di Ayutthaya dan Bangkok ialah pedagang-pedagang Islam keturunan India-Pakistan dan Parsi. Pada zaman pemerintahan Rama I dan Rama III, dua orang peniaga keturunan India telah dianugerahkan pangkat kerana kebolehan mereka (Sawvanee Jitmoud 1998). Pada tahun 1855M, kerajaan Thailand di bawah pemerintahan Rama IV telah membuat perjanjian dengan kuasa Barat mengenai perdagangan, kesan daripada perjanjian tersebut menyebabkan peniaga-peniaga India, Pakistan dan wilayah-wilayah lain yang berada di bawah kekuasaan Inggeris, Perancis, Belanda dan Portugis datang ke Bangkok. Perjanjian tersebut juga telah memberi kemudahan kepada pedagang-pedagang asing dari segi penempatan, perniagaan, keagamaan dan kehakiman (Sawvanee Jitmoud 1998).

Pedagang-pedagang Islam yang datang ke Negara Thailand membuat penempatan di Bangkok yang merupakan pusat pentadbiran, ekonomi dan sosial. Mereka juga mendiami kawasan-kawasan lain seperti Bang Rak, Mahanak, Ratchawang, Samsen, Hua Lamphong, Yauwarat, Worachak dan Silom (Sawvanee Jitmoud 1998). Selain daripada itu, mereka juga membuat penempatan di Paklat wilayah Samut Prakan. Mereka menetap secara berkumpulan di kawasan-kawasan tertentu seperti sekitar Masjid Wat Koah, Si Yaak Wat Teuk, Samphanthawong, Masjid Harun, Trork Rong Phasi Kow, Bang Rak, Masjid Sefi, Ban Teuk Khaw. Mereka juga membuat penempatan secara bertaburan di Ban Somdet, Si Yaak Ban Khaak dan Mu Ban Teuk Daang (Sawvanee Jitmoud 1998). Sebahagian daripada pedagang-pedagang Islam ini berkahwin dengan gadis tempatan. Hasil daripada perkahwinan campur

ini menyebabkan keturunan mereka terus berkembang hingga ke hari ini. Terdapat juga di kalangan mereka telah berpindah ke Bangkok pada zaman pemeritahan Rama IV. Semenjak itu muncul beberapa kedai jualan milik mereka di kawasan Saphan Chang Rongsi. Pada penghujung abad ke-19M, ramai di antara mereka membuat penempatan di kawasan Bamrung Muang, Wat Samphanthawong dan Thanon Silom (Scupin Raymond 1987). Masyarakat Islam keturunan India-Pakistan yang mendiami bahagian tengah dapat diketahui keturunan asal mereka melalui nama keluarga seperti Nana, Nanakul, Amantakul, Abdul Rahim, Satha Anan, Sahib, Simarak dan lain-lain lagi (Prayunsak Chalayon Decha 1998).

SEJARAH KEDATANGAN ISLAM PATTANI DI BANGKOK

Kemasukan Agama Islam ke wilayah Bangkok, bermula pada tahun 1785M. Pada masa kerajaan Thanorm Kittikhachorn, (1963-1973M) beliau menggabungkan wilayah Thonburi ke dalam Bangkok pada 14 Disember 1972M dan menamakannya Krungtheprnahanakhorn. Kini, Bangkok mempunyai sebanyak 50 daerah. Bangkok bersempadan wilayah Pathum Thani di Bahagian Utara, wilayah Samut Praakan di Bahagian Selatan, wilayah Chachiangsau di sebelah Timur, manakala di sebelah Baratnya bersempadan dengan Nakhon. (Thawatchai Phatumthong 2000). Kira-kira 400 tahun yang lalu para pedagang Arab telah datang berdagang ke Asia Tenggara. Penyebaran Islam di kawasan Asia Tenggara merupakan suatu kesatuan dakwah Islam yang bermula dari Arab, pada masa khalifah Umar Bin Khatab. Tidak dapat dipastikan daerah mana yang lebih dahulu didatangi oleh utusan dakwah dari Arab. Dahulu, ketika Kerajaan Samudera Pasai ditakluki oleh kerajaan Siam (Thailand), orang-orang Islam yang ditawan, yang mana ketika itu tindakan Raja Zainal Abidin wujud tawanan kerajaan Siam yang kemudian dibawa ke Thailand. Para tawanan itu akan dibebaskan apabila telah membayar wang tebusan. Para tawanan yang telah bebas itu ada yang kembali ke Indonesia dan ada pula yang menetap di Thailand dan menyebarkan agama Islam di wilayah Thailand Selatan yang berbatasan langsung dengan Malaysia. Pada masa itu, Ayutthaya merupakan salah satu tempat persinggahan pedagang-pedagang Arab, Cina dan sebagainya. Pada abad ke-16M, Islam dianuti oleh sekelompok kecil yang tinggal di pelabuhan dan di tepi sungai Chao Phraya. Agama Islam semakin berkembang apabila terdapat penduduk tempatan yang memeluk agama Islam dan berkahwin dengan para pedagang Islam (Prayunsak Chalayon Decha 1996).

Pada tahap pertama Islam diwarnai dakwahnya dengan Tasawuf setidaknya sampai pada abad ke-17. Sehingga ditemukan bahawa terdapat nama-nama ulama sufi terkenal sebagai penyebar Islam, diantaranya adalah Syeikh Syafiuddin Ahmad Ad Dajani Al-Qusyasyi, beliau adalah seorang keturunan Abbas bin Abdul Muthalib (paman Nabi

Muhammad SAW). Diceritakan juga bahawa ada dua orang yang bersahabat karib yang sama-sama menjalankan aktivitas dakwah Syeikh Syafiuddin di Pattani. Banyak yang menduga bahawa beliaulah yang pertama mengislamkan Pattani, barangkali anggapan ini adalah satu kekeliruan kerana Pattani memeluk Islam jauh lebih awal dari kedatangan beliau ke Pattani, bahkan Pattani dianggap tempat yang telah lama menerima Islam seperti di Aceh juga.

Manakala pada tahap kedua, masyarakat Islam keturunan Jawa telah bekerjasama dengan masyarakat Islam keturunan Melayu Patani untuk menjaga dan menerap nilai-nilai Islam ke dalam masyarakat mereka dengan membina Masjid-masjid seperti Masjid Jawa dan masyarakat Islam keturunan Melayu Patani. Masjid yang terletak di Trork Rong Nam Khang dibina pada tahun 1894M. Antara tahun 1894-1996M, Masjid tersebut dipimpin oleh 6 orang iman yang terdiri daripada tiga orang keturunan Jawa dan tiga orang keturunan Melayu Patani. Keadaan ini memberitahu kepada kita bahawa perhubungan antara masyarakat Islam yang berketurunan Melayu Patani dan masyarakat Islam yang berketurunan Jawa adalah baik (Kannikar Chuthamas Sumali 1998).

Bilangan penduduk Islam meningkat dengan mendadak selepas kerajaan Thailand menjajah kerajaan Melayu Patani. Hal ini terjadi kerana kerajaan Thailand telah membawa tawanan perang mereka yang terdiri daripada orang-orang Islam Melayu Patani secara beramai-ramai ke Bangkok. Peristiwa ini berlaku beberapa kali, selain daripada masyarakat Islam Melayu Patani, kerajaan Thailand turut membawa secara paksa masyarakat Islam keturunan Cham dan keturunan Sultan Sulaiman ke Bangkok. Selain daripada itu, bilangan orang-orang Islam di Bangkok meningkat apabila kota Bangkok ini menjadi tumpuan masyarakat Islam yang mengalami krisis politik di Negara asal mereka seperti masyarakat Islam Jawa yang melarikan diri daripada cengkaman penjajah Belanda dan masyarakat Islam Cham yang berhijrah ke merata tempat termasuklah Bangkok akibat penjajah Vietnam (Sawvanee Jitmoud 1998).

KESIMPULAN

Penduduk Islam di negara Thailand merupakan masyarakat minoriti, namun mereka merupakan masyarakat majoriti di lima Wilayah sempadan selatan Thailand iaitu Pattani, Yala, Narathiwat, Songkhla dan Satun. Mereka telah menciptakan nama Pattani di peringkat Nusantara dan antarabangsa. Di samping institusi pendidikan pondok di Pattani juga merupakan institusi pendidikan Islam yang terulung dan tinggal di Nusantara.

Pada awal abad ke-20M, secara keseluruhannya perkembangan Islam di Bangkok telah menyaksikan masyarakat Islam Bangkok menjadi sebuah masyarakat Islam yang

terus meningkat dan semakin berkembang berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Selain daripada itu, terdapat beberapa institusi pendidikan formal yang ditubuhkan atas kesedaran dan semangat perjuangan masyarakat Islam. Setiap perkampungan Islam terdapat sebuah masjid atau surau. Fungsi masjid pada peringkat awal adalah sebagai tempat beribadat di samping tempat belajar al-Quran dan ilmu agama. Perkembangan Islam seperti ini nampaknya memberi kesan kepada tradisi kedudukan pendidikan Islam dalam sebuah masyarakat Islam. Paling menakjubkan, di samping kemampuan masyarakat Islam Bangkok mengekalkan ajaran Islam serta mempunyai daya usaha untuk memperkembangkan lagi ajaran agama di kalangan generasi muda.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdullah. 2000. *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara: Sebelum dan sesudah pengaruh Islam*. Selangor: Utusan publications & Distributors Sdn.
- Abdul Halim Bashah. 1994. *Raja Campa dan Dinasti Jembal dalam Patani Besar*. Kelantan: Pustaka Reka.
- Ahmad Fathy al-Fatani. 1994. *Pengantar Sejarah Patani*. Alor setar: Pustaka Darussalam.
- Ahmad Omar Chapaki. 2000. *Politik Thai dan Masyarakat Islam di Selatan Thailand*. Alor Setar: Pustaka Darussalam Rmi Multimedia Publishing.
- Ari Etal. 2000. Patani Darussalam, Samnakphim Muslim News.
- Bonney, R. 1971. *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Institut pengajian Kebudayaan Thailand Selatan. 1986. *Saranukrom Watthanathan Phak Tai*. Jil 3. Bangkok: Amarinkanphin.
- Ismail Yasin. 1997. Prawatsat Patani. <http://www.Thai.Net/islammut/> link/Patani.htm [3 Mei 2002].
- Kannikar Chuthamas Sumali. 1998. *The Javanese in Bangkok*. Bangkok: Rongphim Universiti Thammasat.
- Kanyabodi. 2001. *Maihet: Meu-a Phaan Din Ronghai*. Bangkok: Bangkok Book.
- Kanyabodi. 2002. *Meihet: Sayam prather*. Bangkok: Bangkok Book.
- Kobkua Suwannathai-Ping. 1991. *Sejarah: Thai Zaman Bangkok*. Kuala Lumpur: Pustaka Negara Kuala Lumpur.

- Mah Yusof Yahlah & Kaseng Sulaiman. 1995. Prawat Masjid Indarul Mina. 22 Ogos.
- Mahd Zamberi A. Malek. 1993. *Umat Islam Patani: Sejarah dan Politik*. Shah Alam: penerbit Hizbi.
- Omar Farouk. 1986. *The Indonesian Independence League in Bangkok: A Profile*. Jebat, Bangi: Jabatan sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Phaladichai Sitthithalyakit. 1998. *Ratchakan Thi 5 Sadet Praphat Tang Prathet*. Bangkok: Samnakphin Bantheuk sayam.
- Phirayot Rahimula. 1998. Khwan Penma Khorng Muslim Nai Tambon Tha It. Kertas kerja perdana sempena kenduri tahunan sekolah Tha It seuksa, Nonthaburi, 4-9.
- Prachum Phongsawadan Chabab Hor Samut Haang Chat. 1964. *Phra Nakhorn: Ongkankha Khuru Samphan*. Bangkok: Rongphim Universiti Thammasat.
- Prayunsak Chalayon Decha. 1996. *Muslim Nai Prathet Thai*. Cek 2. Bangkok: Krongkan Hor samut Klang Islam Saisakun Sultan Sulaiman.
- Prayunsak Chalayon Decha. 1998. *Muslim in Thailand*. Bangkok: Printing service Division the Secretariat of The House of Representative.
- Samnakhgan Khet Minburi. 2000. Muang Min Thin Thorng Na Thorng Thaiw. <http://www.mbdm@bma.go.th> [8 April 2002].
- Sawvanee Jitmoud. 1998. *Klum Chat Phan: Chaw Thai Muslim*. Bangkok. Korngthun Sanga Ruchiraam phom.
- Scupin, Raymond, 1987. Thai Muslim in Bangkok: Islam and modernization in a Buddhist society. Tesis Dr. Fal, University of California, Santa Barbara.
- Thawatchai Phatumthong. 2000. *Kred Naru Prathet Thai7 6 Changwat*. Cet. 2 Bangkok: Samnak phim Namon.
- Thiphakorn Baramet. 2001. *Heroes of King Taksin*. Bangkok: Bantheuk sayam.
- Warner Kraus. 1998. Islam di Thailand catatan mengenai sejarah wilayah Muslim modenisasi Thai dan Gerakan pemisah di selatan. Dlm. Farid Mat Zain. Zulkarnain Mohammad & Samsu Adabi (Pnyt.). *Minoriti Muslim di Thailand*, hlm 33-60. Selangor. Penerbit L Minda.